

**SOALAN-SOALAN LISAN**

**PERSIDANGAN KETUJUH**  
**MESYUARAT KEDUA, TAHUN KEEMPAT**  
**DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS**  
**PERAK DARUL RIDZUAN**  
**PADA HARI ISNIN, 20 DISEMBER 2021**

---

**1. YB DR. KO CHUNG SEN ( KEPAYANG )**

Daripada Kepayang

Tajuk: Program pemutihan kawasan penerokaan haram pertanian dalam negeri

- a) Berapakah banyak keluasan tanah telah menjalankan pemutihan?
- b) Berapakah jumlah permohonan yang telah berjaya dan sedang diproses daripada tahun 2020 sehingga terkini?
- c) Berapakah jumlah peningkatan hasil pendapatan negeri menerusi kutipan pajakan tersebut?

**2. YB ENCIK TAN KAR HING ( SIMPANG PULAI )**

Isu kenaikan harga besi dan logam secara mendadak. Apakah impaknya dan tindakan kerajaan dalam isu kenaikan harga ini terutamanya kepada kesemua projek pembangunan kerajaan negeri dan persekutuan yang sedang berjalan dalam negeri Perak?

**3. YB ENCIK CHAW KAM FOON ( MENGLEMBU )**

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi merancakkan kembali sektor pelancongan di negeri Perak?

- 1) Apakah pelan pemulihan industri pelancongan dalam negeri Perak pasca pandemik?
- 2) Bilakah kerajaan negeri menjangkakan sektor ini akan pulih?

**4. YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ ( SLIM )**

Pandemik Covid menyebabkan ramai pihak kehilangan pendapatan dan pekerjaan. Mohon dapatkan analisis daripada Pasak berkenaan keberhasilan program-program mendapat kerja?. Berapa ramai yang memohon dan berapa yang berjaya perolehi pekerjaan?

**5. YB ENCIK MOHAMAD NOOR BIN DAWOO ( SELINSING )**

- a) Harga racun padi dan rumput telah naik melambung tinggi dan kenaikan tersebut tidak seiring dengan kenaikan harga padi?
- b) Apakah langkah dan strategi bagi menangani permasalahan ini?

**6. YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR ( PANGKOR )**

Bilakah kerajaan Negeri akan memulakan pembinaan rumah keluarga nelayan di Teluk Muroh. Berapakah kos terbaru. Apakah ada perubahan pelan pembangunan di kawasan tersebut. Dan bilakah jeti nelayan hendak dimulakan terlebih dahulu

**7. YB ENCIK CHONG ZHEMIN ( KERANJI )**

Premium Tanah

- a) Sila senaraikan jumlah premium tanah yang diterima oleh pihak kerajaan pada tahun 2020 dan 2021.
- b) Sila senaraikan jumlah diskaun premium tanah yang dipohon dan jumlah diskaun premium yang diluluskan pada Tahun 2020 dan 2021.
- c) Adakah pihak kerajaan negeri berhasrat memberi diskaun premium tanah 80% bagi penduduk yang tinggal berpuluh-puluh tahun di tanah kampung tersusun, kampung tradisional dan kampung baru?

## **8. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED ( TEMENGOR )**

Sebanyak 43 lokasi panas banjir telah dikenal pasti di Perak termasuk Daerah Hulu Perak susulan perubahan musim tengkujuh atau Monsun Timur Laut yang dijangka melanda negara sehingga Mac 2022.

- a) Adakah kerajaan Negeri mempunyai satu laporan yang terperinci bagi seluruh kawasan di Negeri Perak untuk diguna pakai oleh kesemua agensi utama yang berkaitan bagi mengatasi masalah banjir?
- b) Apakah langkah-langkah proaktif yang telah diambil oleh kerajaan Negeri bagi membantu dan mengatasi masalah-masalah banjir kilat ini pada masa hadapan?
- c) Sementara menunggu Projek Rancangan Tebatan Banjir Gerik yang telah diluluskan dapat dilaksanakan, apakah perancangan atau kaedah lain dari kerajaan Negeri bagi menangani masalah banjir di kawasan Gerik?

## **9. YB ENCIK HOWARD LEE CHUAN HOW ( PASIR PINJI )**

Kampung Baru mempunyai nilai sejarahnya yang unik yang perlu diraikan oleh segenap kelompok masyarakat. Generasi muda yang lahir di Kampung Baru cenderung untuk berpindah keluar dan menetap serta bekerjaya di bandar-bandar yang lebih besar, meninggalkan ibu bapa mereka di kampung. Ini menyebabkan kesinambungan kepada sejarah tersebut sukar untuk diteruskan. Kebudayaan masyarakat, kemahiran kesenian, rahsia resipi makanan turun-temurun adalah antara nilai sejarah yang perlu kita teruskan. Apakah inisiatif kerajaan untuk mengangkat muzium interaktif Kampung Baru, terutamanya Kampung Baru Pasir Pinji? Sejauh manakah persediaan kerajaan dalam membentuk suatu industri pelancongan baharu yang berasaskan sejarah Kampung Baru?

## **10. YB PUAN NG SHY CHING ( TEJA )**

Perkhidmatan ambulans

- a) Berapakah aduan berkenaan perkhidmatan ambulans termasuk kelewatan dan masalah peralatan yang telah dilaporkan sepanjang bagi tahun 2017-2021?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menangani isu kelewatan ambulans khususnya sepanjang pandemik Covid-19?
- c) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu penggantian ambulans baru bagi Klinik Kesihatan Gopeng yang telah lama tertangguh meskipun KKM telah memberikan kelulusan pada tahun 2019?

## **11. YB DATO' SERI IR. HAJI MOHAMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN ( SUNGAI RAPAT )**

Adakah Pihak Berkuaasa Tempatan telah mengambil tindakan sewajarnya seperti denda atau menggantung sementara kerja-kerja pembinaan sehingga masalah banjir lumpur ini diselesaikan kerana masalah banjir ini masih lagi berlaku sehingga kini di kawasan yang sama walaupun penduduk setempat telah beberapa kali membuat aduan termasuk melalui eAduan? Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menetapkan sejumlah bantuan kecemasan bencana dalam bajet 2022 kepada pusat khidmat dun kerana sistem tuntutan sedia ada lambat dan merumitkan rakyat untuk membuat tuntutan?

## **12. YB DATO' MOHAMAD AZHAR BIN JAMALUDDIN ( CHANGKAT JONG )**

PRESTASI GOVERMENT LINK COMPANY (GLC)

- a) Senaraikan badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang sedang berdepan saman atau tuntutan di mahkamah akibat tuntutan perjanjian atau pelaburan berat sebelah dan bagaimana badan berkanun atau GLC ini dapat dipulihkan?
- b) Senaraikan jumlah keluasan dan nilai tanah atau aset milik GLC

yang telah dijual kepada syarikat luar dalam tempoh 2018 sehingga kini?

- c) Apakah usaha dilakukan GLC berkaitan untuk mendapatkan semula atau mengganti aset yang telah dijual bagi memastikan mereka terus berdaya saing dan mampu menyumbang semula kepada kerajaan negeri?

### **13. YB ENCIK NGA KOR MING ( AULONG )**

Peruntukan Marris

Minta YAB Menteri Besar nyatakan secara terperinci:

- a) Jumlah peruntukan MARRIS yang diterima oleh kerajaan Negeri Perak pada 2019, 2020 dan tahun ini serta bagaimana kerajaan mengguna pakai peruntukan tersebut?
- b) Apakah langkah proaktif yang diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah lubang jalan yang sering menggugat keselamatan pengguna jalanraya

### **14. YB PUAN WONG MAY ING ( PANTAI REMIS )**

Majlis Daerah Selama telah memutuskan tidak membenarkan penjualan minuman keras secara runcit mulai tahun 2022. Mengikut jawapan ADUN Selama, kesemua para peniaga di daerah terlibat dengan penjualan minuman keras telah bersetuju untuk tidak lagi menjual arak secara terbuka.

- a) Senaraikan persetujuan daripada kesemua peniaga atau jumlah peniaga yang terlibat dengan penjualan minuman keras di daerah.
- b) Nyatakan metodologi Kerajaan dalam usaha mengumpulkan pandangan masyarakat Islam serta bukan Islam sebelum dasar ini diperkenalkan.
- c) Senaraikan punca kuasa kerajaan dan akta-akta yang terpakai berkaitan pelaksanaan dasar ini

## **15. YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH ( *BLANJA* )**

Keganasan Rumahtangga

Kes keganasan rumah tangga berlaku disebabkan beberapa faktor

- a) Berapakah jumlah kes keganasan rumah tangga di negeri Perak mulai 2020 hingga Oktober 2021?
- b) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan kes keganasan rumah tangga berlaku?
- c) Nyatakan tindakan-tindakan yang telah diambil bagi membendung masalah keganasan rumah tangga daripada terus berlaku?

## **16. YB ENCIK NGA KOR MING ( *AULONG* )**

Pembangunan Sports City Ipoh

Minta YAB Menteri Besar nyatakan:

- a) Apakah kedudukan terkini pelan pembangunan Sports City di Ipoh serta jumlah peruntukan yang akan disediakan untuk membangunkan Ipoh menjadi bandaraya gaya hidup yang sihat, mampu dan hijau?
- b) Kemudahan sukan baru yang bakal dibina sekitar kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh dalam tempoh 2022 hingga 2025?

\*\*\*\*\*